

## SIARAN MEDIA

### BIMB HOLDINGS BERHAD UMUM PBZT KUMPULAN RM1.1 BILION BAGI TAHUN KEWANGAN 2020

#### SOROTAN UTAMA

- Keuntungan Sebelum Zakat dan Cukai Kumpulan ("PBZT") 8.9% lebih rendah kepada RM1,097.3 juta.
- Pulangan Ekuiti Bersih ("ROE") adalah 12.8%.
- Bank Islam mencatatkan PBZT RM728.2 juta.
- Pertumbuhan pembiayaan bersih sebanyak 10.5%.
- PBZT Takaful Malaysia adalah RM426.8 juta.

**Kuala Lumpur, Jumaat, 26 Februari 2021:** BIMB Holdings Berhad ("BHB") mencatatkan Keuntungan Sebelum Zakat dan Cukai Kumpulan ("PBZT") sebanyak RM1,097.3 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 ("FY2020"). Impak daripada penurunan pendapatan pembiayaan bersih ekoran beberapa semakan semula penurunan Kadar Dasar Semalaman ("OPR"), pengiktirafan kerugian modifikasi disebabkan penyediaan moratorium pada April 2020 dan unjuran peruntukan terjejas yang mengambil kira persekitaran ekonomi yang mencabar telah mengakibatkan PBZT Kumpulan RM107.7 juta lebih rendah berbanding tempoh sama 2019. Keuntungan bersih menyusut sebanyak RM67.5 juta kepada RM867.9 juta.

Pulangan Ekuiti Bersih ("ROE") selepas cukai tahunan Kumpulan kekal sihat pada kadar 12.8% sementara perolehan sesaham dinilai pada 40.21 sen. Aset bersih sesaham Kumpulan mengukuh kepada RM3.63 pada 31 Disember 2020, berbanding RM3.34 pada 31 Disember 2019.

#### Gambaran Keseluruhan Kumpulan

COVID-19 sekali lagi memberikan kesan kepada aktiviti ekonomi apabila gelombang ketiga penularan virus berkenaan telah menyebabkan penguatkuasaan pelbagai sekatan baharu; namun, berita penghasilan vaksin telah mengubah prospek untuk dua tahun akan datang. Bank Negara Malaysia ("BNM") berpendapat bahawa Keluaran Dalam Negara Kasar ("KDNK") dijangka kembali pulih di tengah-tengah kadar pengangguran yang rendah tetapi dengan Indeks Harga Pengguna ("CPI") yang kukuh. Prospek positif bagi tahun 2021 akan disokong oleh pertumbuhan global yang diramalkan lebih baik dan permulaan semula aktiviti ekonomi domestik. Ini akan memberikan impak positif terhadap prestasi pasaran kewangan.

Pandemik ini seharusnya dilihat sebagai satu peluang untuk berkembang secara mampan. Dalam situasi semasa yang mencabar, inisiatif-inisiatif kami lebih menggambarkan komitmen terhadap usaha memperluaskan rangkaian kewangan bagi memastikan pembangunan untuk semua, pada masa yang sama terus menyokong pemulihan ekonomi dan melindungi kehidupan rakyat.

Sehubungan itu, sebagai sebahagian daripada pelan perniagaan 2021, Bank Islam merangka pelan hala tuju 5 Tahun untuk matlamat penyediaan teknologi, mendefinisikan semula pertumbuhan dan berkerja dengan cara baharu bagi menangani cabaran-cabaran

mendatang. Menjelang tahun 2025, Bank Islam berhasrat untuk menerajui penawaran penyelesaian kewangan alam sekitar, sosial dan tadbir urus Syariah ("Shariah-ESG") menyeluruh, perbankan digital dan kewangan sosial. Pelan berkenaan menggerakkan enam objektif strategik berlandaskan peranan Bank sebagai sebuah Pengantara Berasaskan Nilai ("VBI") yang merangkumi Kesejahteraan Mampan, Budaya Berasaskan Nilai, Pemerkasaan Komuniti, Tumpuan Pelanggan, Ekonomi Sebenar dan Pendigitalan. Objektif ini disokong oleh inisiatif-inisiatif utama yang tertumpu kepada usaha-usaha mencapai matlamat akhir tahun 2025 seperti memperluaskan portfolio berkaitan ekonomi sebenar dan ekonomi hijau, melaksanakan model pelan perniagaan pengurusan kekayaan bersepadu, mempercepatkan pendigitalan, menggalakkan kewangan sosial dan menguatkuasakan inisiatif pengurusan kos.

Berlatarbelakangkan metrik kredit yang kukuh berikutan penarafan AA3/Stabil/P1 oleh RAM Ratings baru-baru ini, BHB mengumumkan untuk meneruskan langkah cadangan penstrukturan semula Kumpulan yang akan membuka nilai signifikan untuk pemegang saham dan memindahkan status penyenaian BHB kepada anak syarikat milik penuhnya, Bank Islam. Usaha itu akan membuka jalan bagi Bank Islam untuk muncul sebagai satu-satunya institusi kewangan Islam lengkap yang tersenarai di Malaysia, sekali gus mempunyai akses meluas kepada pasaran modal bagi pertumbuhan perniagaan yang lebih menarik pada masa hadapan.

Bagi perniagaan takaful kami, Takaful Malaysia telah mengambil langkah-langkah perlu dan penting untuk mengukuhkan daya tahan, selain menyesuaikan model operasi bagi menguruskan perniagaan dalam pasaran yang amat berbeza dan landskap pengoperasian yang dinamik. Takaful Malaysia kekal waspada dalam menguruskan kos operasi, pertumbuhan perniagaan dan risiko portfolionya.

Sebagai perintis dan pelaksana awal pengedaran dalam talian dan teknologi digital baharu yang menyokong saluran-saluran pengagihan, kami mampu mengurangkan beberapa cabaran jualan dan operasi yang dihadapi semasa pandemik COVID-19. Keupayaan digital dan teknologi telah membolehkan kami mengekalkan perkhidmatan perniagaan yang lancar kepada semua pengantara jualan, rakan bank dan pelanggan. Kami mempunyai rangkaian produk takaful mampu milik komprehensif dalam talian yang mudah diakses pelanggan, khususnya semasa pandemik COVID-19. Kami telah meningkatkan kehadiran di media sosial untuk membuat jualan silang produk-produk dalam talian, dengan menyasarkan golongan yang tidak mempunyai akses terhadap pengantara bagi jualan bersemuka.

Dalam mengekalkan kedudukan sebagai peneraju pasaran dan menyokong pertumbuhan perniagaan serta tumpuan pelanggan, Takaful Malaysia akan meneruskan strategi-strategi inovatifnya menerusi pelaksanaan strategi digital, penawaran penyelesaian dalam talian dan penyediaan ekosistem digital, meluaskan lagi keupayaan pengedaran, membentuk kerjasama strategik dengan bank-bank Islam terkemuka serta mengadakan inisiatif-inisiatif kesedaran jenama Takaful Malaysia.

### **Perbankan Islam**

Kualiti portfolio aset Kumpulan Bank Islam ("Bank Islam" atau "Bank") kekal kukuh, sebagaimana dicerminkan pada nisbah pembiayaan terjejas kasar yang rendah 0.67% pada akhir 2020, lebih rendah daripada 1.57% yang direkodkan sistem perbankan. Jumlah pembiayaan terjejas kasar adalah RM373.2 juta berbanding RM433.0 juta pada akhir tahun 2019.

Setakat 31 Disember 2020, pembiayaan bersih Bank mencecah RM54.7 bilion iaitu pertumbuhan sihat tahun-ke-tahun ("Y-o-Y") sebanyak 10.5% atau RM5.2 bilion. Akaun deposit dan pelaburan pelanggan meningkat 10.1% atau RM5.8 bilion Y-o-Y kepada RM63.4 bilion. Jumlah komposisi akaun semasa, simpanan dan pelaburan transaksional ("CASATIA") turut berada pada aras sihat 36.1% daripada jumlah akaun deposit dan pelaburan pelanggan.

Dengan Jumlah Nisbah Modal pada 19.8% setakat 31 Disember 2020, Bank berada pada kedudukan modal yang kukuh untuk menyediakan bantuan bersasar kepada pelanggan yang terkesan dan menyokong pertumbuhan perniagaan yang berterusan.

Ketika ini, Bank Islam masih bertahan untuk menjana keputusan kewangan mampan yang berada dalam lingkungan purata industri, sentiasa berhati-hati dan bersandarkan persekitaran kadar pembiayaan rendah. Bank merekodkan PBZT RM728.2 juta bagi FY2020, 13.7% lebih rendah berbanding tahun 2019. Penurunan tersebut sebahagian besarnya berpunca daripada pendapatan pembiayaan bersih lebih rendah ekoran semakan semula penurunan OPR beberapa kali, pengiktirafan kerugian modifikasi disebabkan penyediaan moratorium dan program bantuan bersasar serta unjuran peruntukan terjejas yang mengambil kira persekitaran ekonomi yang mencabar.

### **Takaful**

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad ("Takaful Malaysia") merekodkan PBZT sebanyak RM426.8 juta bagi FY2020, berbanding RM417.7 juta yang dicapai pada tahun 2019. Perolehan operasi adalah sebanyak RM2,957.2 juta bagi FY2020, lebih rendah berbanding RM3,124.6 juta yang dicatatkan pada tahun 2019. Sebahagian besar daripada penyusutan tersebut disumbangkan oleh kadar jualan yang lebih rendah daripada segmen perniagaan Takaful Keluarga.

Perniagaan Takaful Keluarga menjana sumbangan perolehan kasar sebanyak RM1,756.9 juta bagi FY2020, berbanding RM2,042.3 juta bagi tempoh sama tahun lalu, disebabkan jualan lebih rendah daripada produk-produk berkaitan kredit dan perubatan Kumpulan. Namun demikian, perniagaan Takaful Am merekodkan sumbangan perolehan kasar yang lebih tinggi sebanyak RM756.5 bagi FY2020, berbanding RM706.2 juta yang dicapai tahun lalu. Pertumbuhan itu sebahagian besar disumbangkan oleh kelas motor.

Untuk maklumat lanjut berkenaan BHB, sila layari [www.bimbholdings.com](http://www.bimbholdings.com).

---

### **Mengenai BIMB Holdings Berhad**

BIMB Holdings Berhad ("BHB") adalah Syarikat Pemegang Kewangan Islam yang pertama yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. BHB diperbadankan di Malaysia pada 20 Mac 1997, dan disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 16 September tahun yang sama. Anak-anak syarikat utama Kumpulan BHB merupakan pelopor dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam termasuk perbankan, takaful, dagangan saham, dan lain-lain perkhidmatan berkaitan iaitu Bank Islam Malaysia Berhad, Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad dan BIMB Securities Sdn. Bhd.

---

Diterbitkan oleh: Komunikasi Korporat Kumpulan, BIMB Holdings Berhad

Untuk sebarang pertanyaan, hubungi:

**Wan Norkhairi Wan Samad**

Ketua

Komunikasi Korporat Kumpulan

Bank Islam Malaysia Berhad

Aras 31, Menara Bank Islam

No. 22, Jalan Perak,

50450 Kuala Lumpur

Tel: 03-2782 1232

Tel. Bimbit: 019-339 4491

Faks: 03-2781 2998

Emel: [wnorkhairi@bankislam.com.my](mailto:wnorkhairi@bankislam.com.my)

Web: [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my)

**Omar Atin**

Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam

Komunikasi Korporat Kumpulan

BIMB Holdings Berhad

Aras 31, Menara Bank Islam

No. 22, Jalan Perak,

50450 Kuala Lumpur

Tel: 03-2781 2943

Tel. Bimbit: 019-391 9144

Faks: 03-2781 2998

Emel: [omar@bimbholdings.com](mailto:omar@bimbholdings.com)

Web: [www.bimbholdings.com](http://www.bimbholdings.com)